

Dewan Besar UMS jadi upacara tetap majlis konvokesyen pelajar

KOTA KINABALU: Dewan Besar Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menjadi upacara tetap majlis konvokesyen pelajar bermula tahun ini.

Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata dewan itu yang berharga RM36 juta dan pihak kontraktor dijangka menyerahkan bangunan itu kepada UMS penghujung Julai depan.

"Kami akan gunakan sepenuhnya Dewan Besar untuk majlis konvokesyen tahun ini selepas empat tahun upacara itu di Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya di sini, kelmarin.

Menurutnya, apabila siap kelak Dewan Besar itu dapat menampung 5,000 pelajar dan orang ramai, serta mempunyai keluasan yang cukup besar serta memiliki pelbagai kemudahan termasuk untuk orang awam.

Sambil berterima kasih kepada kerajaan atas pembangunan dan sokongan kepada pihak universiti, beliau berkata Dewan Besar itu akan menjadi satu lagi tanda mercu UMS untuk terus muncul sebagai salah satu universiti di negara ini yang unggul di rantau sini.

Katanya, pada awal penubuhan UMS menggunakan empat kali DUN untuk majlis konvokesyen pelajar sejak 1999 sejak ditubuhkan sebagai universiti kesembilan negara pada 1994.

Pada majlis konvokesyen pertama, UMS menghasilkan graduan sulung seramai 640 ijazah sarjana muda, enam pelajar ijazah sarjana dan dua ijazah Doktor Falsafah.

"UMS sebenarnya giat melaksanakan semua perancangan pembangunan dan dijangka siap berperingkat-peringkat mengikut jadual termasuk pembinaan kolej kediaman pelajar bagi mem-

bolehkan semua warga universiti di tempatkan di kawasan kampus," katanya.

Beliau berkata, dari segi pencapaian akademik, UMS kini menawarkan 11 sekolah pengajian berbanding lima sekolah pada sesi permulaan 1995/1996.

Antara lima sekolah pengajian pada penubuhan awal ialah Sekolah Sains dan Teknologi, Sains Sosial, Perniagaan dan Ekonomi, Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat dan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial.

Sejak itu, enam lagi sekolah ditubuhkan iaitu Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa, Sains Makanan dan Pemakanan, Psikologi dan Kerja Sosial, Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Pengajian Seni, Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sekolah Sains Pusat Pengajian Siswazah. **-OLEH YATIM TAUBATAL ANDAM**